

JK hak, kebebasan cadang Anwar digantung
Malaysiakini.com
Disember 14, 2010

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka akan digantung daripada sidang Dewan Rakyat kerana mendakwa kerajaan Umno-BN mengupah syarikat pelobi pro-Israel antarabangsa Apco Worldwide.

Perkara itu tersenarai dalam usul yang dijangka akan dibentangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen yang akan membahaskannya pada Khamis ini dan mencadangkan hukuman penggantungan.

Ia akan dibahaskan sebelum pengundian dijalankan.

Ahli parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang dalam tweeter berkata Anwar hampir pasti digantung.

Sementara itu, ahli parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh pada sidang medianya di lobi parlimen berkata jawatankuasa berkenaan mencadangkan penggantungan enam bulan dikenakan ke atas Anwar.

Katanya, laporan jawatankuasa itu dibentangkan hari ini dengan notis dua hari kepada Dewan Rakyat dan akan dibahaskan pada Khamis ini.

"Bagaimana mereka boleh bertindak tanpa kehadiran saya? Mengketepikan seorang profesional adalah perkara serious," kata Karpal.

Jawatankuasa hak dan kebebasan yang dipertanggungjawab membincangkan isu 1Malaysia dan 1Israel itu merangkumi Speaker, Tan Sri Pandikar Amin Mulia, timbalannya, Datuk Ronald Kiandee, Karpal Singh, R Sivarasa, Nancy Shukri, Datuk Seri Fong Chan Onn dan Razali Ibrahim.

Sebelum ini desas-desus bertiup kencang bahawa Anwar akan digantung selama enam bulan selepas beliau mendakwa tindakan Apco dalam mengubal slogan 1Malaysia yang dikaitkan dengan slogan 1Israel yang diguna pakai oleh rejim Zionis.

Pada ucapan di Dewan Rakyat, Anwar memberikan pelbagai contoh untuk menunjukkan persamaan antara 1Malaysia dan 1Israel.

Pada 8 Jun lalu Anwar dipanggil oleh jawatankuasa tersebut berhubung dakwaan beliau bahawa konsep 1Malaysia yang diwar-warkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebenarnya diveduk daripada slogan One Israel di bawah Perdana Menteri Ehud Barak pada 1991.

Kerajaan pimpinan Najib dilaporkan membayar lebih RM70 juta sebagai upah kepada Apco untuk khidmatnya selain memperbaharui kontrak syarikat itu.

Sesi parlimen baru dijadual bermula pada 7 Mac tahun depan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malysiakini.com/news/150737>